

## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA  
PERHIMPUNAN PENTADBIRAN DAERAH  
TAMPIN TAHUN 2019**

**TEMPAT : DEWAN BESAR GEMAS, GEMAS  
PADA : 05 APRIL 2019 (JUMAAT)  
MASA : 08.00 PAGI**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara  
Majlis**

**YB Dato' Dr. Razali Abdul Malik  
Setiausaha Kerajaan Negeri**

**YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**

**Puan Suhaiza Sharudin  
Pegawai Daerah Tampin merangkap Pengerusi  
Penganjur Perhimpunan Pentadbiran Daerah Tampin**

**Ketua-ketua Jabatan**

**Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Penjawat Awam  
Sekalian,**

1. Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya dapat kita semua bertemu di Dewan Besar Gemas pada pagi Jumaat yang penuh barakah ini, bersempena dengan **Perhimpunan Pentadbiran Daerah Tampin Tahun 2019.** Ini merupakan perhimpunan bulanan pentadbiran daerah yang ketiga selepas Kuala Pilah dan Seremban, masing-masing pada bulan Februari dan Mac yang lalu.

2. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan

Pegawai Daerah Tampin serta urus setia majlis yang menganjurkan perhimpunan pada kali ini. Secara tidak langsung, dapatlah saya bersua muka dengan penjawat awam yang berkhidmat di Daerah Tampin dan sekaligus menyampaikan amanat serta melihat permasalahan berkaitan kesejahteraan rakyat di sini.

3. Sesungguhnya, kehadiran semua warga penjawat awam dan kejayaan majlis pada pagi ini melambangkan komitmen semua jabatan dan agensi kerajaan dalam menyokong penuh kepimpinan Kerajaan Negeri untuk mencapai satu matlamat yang sama iaitu

mensejahterakan hidup rakyat.

**Kayu besar di tengah padang,  
tempat bernaung kepanasan,  
tempat berlindung kehujanan,  
uratnya tempat bersila,  
batangnya tempat bersandar.**

4. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dengan kemenangan **Majlis Daerah Tampin** yang menduduki tempat ketiga sempena **Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2018** haruslah dicontohi oleh semua jabatan dan agensi.

**Penjawat Awam Sekalian,**

**5.** Tampin bukanlah daerah yang asing bagi saya.

Uniknya Daerah Tampin ini kerana satu-satunya

daerah di dalam Negeri Sembilan yang

mempunyai **Pejabat Daerah Kecil** iaitu **Pejabat**

**Daerah Kecil Gemas.** Pada bulan Mac lepas

saya sendiri berpeluang hadir dan merasmikan

**Program Majlis Pengundian dan Penyerahan**

**Kunci Rumah Awam Harga Rendah di Taman**

**Halacara Baru di Gemas.**

**6.** Selain itu, saya juga dimaklumkan bahawa

terdapat pelbagai program telah diatur untuk

masyarakat setempat dan melibatkan kehadiran

**Yang Teramat Mulia Tunku Besar Tampin,**

**Yang Teramat Mulia Undang Johol, Ahli**

**Parlimen dan ADUN dalam Daerah Tampin**

serta **Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan**

seperti pelaksanaan **Majlis Sambutan**

**Maulidur Rasul, Program Ceramah Perdana**

oleh penceramah dari **Indonesia** yang

disampaikan oleh **Ustaz Abdol Somad,**

**Pertandingan Mengocha, Program Sentuhan**

**Kasih** dan program-program lain anjuran

semua jabatan dan agensi peringkat daerah di

daerah Tampin ini. Matlamatnya sama iaitu

mendekati serta menyantuni rakyat secara

langsung.

7. Terbukti bungkalan yang betul dan saya tidak tersalah pilih. Pertama kali Kerajaan Negeri Sembilan melantik seorang wanita sebagai **Pegawai Daerah Tampin** berkuat kuasa **2 Julai 2018**. Ini merupakan kali pertama di Negeri Sembilan pegawai daerahnya ialah seorang wanita. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Pegawai Daerah dan semua penjawat awam di Tampin yang telah berjaya mengaturkan semua program-program tersebut.

8. Saya percaya dengan adanya aktiviti yang melibatkan rakyat di daerah ini, rakyat dapat merasai wujudnya penyampaian perkhidmatan awam kepada mereka. Justeru, saya meletakkan harapan yang tinggi agar penjawat awam di daerah ini boleh membantu Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di Tampin dan menjalinkan hubungan yang rapat bersama-sama mereka.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian,**

9. Besar harapan saya agar ideologi membangunkan Tampin sebagai **Hub Pendidikan Islam** bagi mencapai keseimbangan dan kecemerlangan rohani serta jasmani dapat dicapai. Dengan terbinanya **Sekolah Agama Maahad Ahmadi Gemencheh, Sekolah Maahad Ahmadi STAM Gemencheh, Institut Tahfiz Al-Quran (ITQAN)** **Gemencheh, MRSM Ulul Albab Gemencheh** dan **SMRA Repah** membuktikan bahawa sebahagian usaha ini telah pun membawa hasil.

10. Lebih membanggakan saya, ada Hafiz dan Hafizah dari Daerah Tampin ini yang berjaya mendapat tempat di peringkat Kebangsaan semasa berlangsungnya **Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) 2019** yang berlangsung dari 17 hingga 22 Mac di Dewan Majlis Perbandaran Seremban. Tahniah saya ucapkan.
  
11. Sempena lawatan sehari saya ke Tampin pada hari ini, satu mesyuarat telah diatur pada sebelah petang. Mesyuarat dan taklimat yang akan diadakan memberi peluang kepada saya melihat dengan lebih dekat pencapaian Daerah

Tampin dan juga sama-sama membincangkan perancangan akan datang yang menjadi asas untuk dilaksana demi merancakkan lagi pembangunan di Daerah Tampin.

12. Seperti yang kita ketahui, Tampin terkenal dengan rendang maman yang istimewa dan saya dimaklumkan produk ini telah pun menembusi perniagaan atas talian (**online**) sehingga ke peringkat antarabangsa. Saya dimaklumkan bahawa Rendang Maman pernah disenaraikan sebagai 50 hidangan terlazat di dunia oleh **CNN International** menerusi pencarian daftar makanan **World's 50 Most**

***Delicious Foods pada tahun 2011.***

13. Manakala di Gemas pula, mempunyai keunikan makanannya tersendiri dengan terhasilnya **Kuih Tat Bangkahulu**. Inilah yang sering saya tekankan supaya penjawat awam di sini perlu kreatif merancakkan ekonomi penduduk setempat. Kita perlu mencari ruang dan peluang untuk mempromosi produk unik ini kerana anak jati Negeri Sembilan sendiri masih ramai yang tidak tahu akan kewujudan kuih tradisi ini.
  
14. Selain daripada makanan, Tampin juga terkenal kerana kedudukan geografinya tersendiri iaitu

berada di hujung Banjaran Titiwangsa. Secara tidak langsung Gunung Tampin menjadi perhatian penduduk dalam dan luar Negeri Sembilan untuk mendaki. Terkini pada **1 Februari 2019, Tampin Water Park** yang terletak di kaki gunung tersebut baru sahaja dibuka kepada orang ramai dan menjadi tumpuan umum.

**Penjawat awam yang dihormati sekalian,**

15. Setelah berbicara tentang penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan pelanggan kita, Tampin sebagai Hub Pendidikan Islam, mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan pelancongan terutamanya pelancongan makanan dan eko, saya menyeru semua penjawat awam di daerah Tampin ini supaya sentiasa menjaga keistimewaan yang ada di sini. Di samping itu, kita mesti terus berusaha untuk meningkatkan komitmen kita bagi terus membangunkan Tampin dan meletakkan sasaran menjadikan Tampin sebagai Majlis Perbandaran pada masa akan datang.

16. Sehubungan itu juga, saya menyeru semua penjawat awam di daerah ini dapat menyampaikan perkhidmatan kepada semua pelanggan kita dengan pantas, betul dan berintegriti. Bertindaklah dengan profesional. Berikanlah perkhidmatan mengikut piagam pelanggan dan senarai semak tugas kita. Sekiranya senarai semaknya terlalu banyak karenah birokrasi dan mengambil masa yang lama, saya mahukan supaya senarai semak atau prosedur ini dimudahkan dan dicepatkan tetapi perlu mengikut peraturan yang betul.

17. Dalam meningkatkan ekonomi negeri dan juga menambahkan pendapatan rakyat, saya mahukan semua penjawat awam di daerah ini berganding bahu dan menggembeleng tenaga bersama-sama tidak kira di agensi mana kita bekerja. Bekerjalah dengan amanah dan lebih komited dalam memungut hasil negeri seperti cukai taksiran dan cukai tanah. Laksanakan tugas penguatkuasaan dengan tegas tetapi berhemah agar hasil negeri yang sepatutnya dapat dipungut. Selain itu, bantulah rakyat untuk meningkatkan ekonomi mereka seperti dalam sektor pertanian, ternakan, keusahawanan mahupun penjualan produk seperti makanan.

Saya juga mahukan kita semua membantu mereka yang miskin tegar dan miskin agar dapat keluar daripada kepompong tersebut.

18. Dalam konteks pelancongan, tingkatkanlah usaha untuk mempromosikan produk pelancongan seperti kawasan gunung, hutan dan makanan. Jagalah kebersihan Tampin, tingkatkan dan jagalah kemudahan awam agar pelancong mahupun masyarakat di sini selesa untuk datang dan tinggal di Tampin.
19. Namun, suka saya menegaskan semua penjawat awam dalam melaksanakan tugas, haruslah dengan penuh berintegriti. Patuhilah

arahan supaya menandatangani **Akta Rahsia Rasmi 1972** pada setiap tahun tidak kira sama ada kakitangan tetap mahupun kontrak. Perlu diingatkan bahawa “**Rahsiakan Rahsia Kerajaan**” terutama sekali untuk memelihara perkara-perkara rasmi daripada jatuh ke tangan orang yang tidak sepatutnya. Saya mahukan semua Ketua Jabatan mengambil tindakan tegas dengan mengambil tindakan tatatertib bagi mana-mana penjawat awam yang membocorkan rahsia kerajaan dan juga yang melanggar peraturan sebagai penjawat awam.

20. Saya berharap penjawat awam di Tampin khususnya dan seluruh penjawat awam di Negeri Sembilan amnya dapat mencerahkan bakti dan berkhidmat dengan penuh profesional dan taat setia kepada kerajaan yang memerintah. Sebagai penjawat awam, memang menjadi kewajipan untuk berkhidmat dengan penuh setia kepada kerajaan yang memerintah.
  
21. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih dengan penganjuran perhimpunan pada hari ini. Semoga pertemuan sebegini dapat diteruskan lagi dalam usaha untuk

mengeratkan lagi hubungan kerjasama dua hala antara Kerajaan Negeri bersama penjawat awam di Tampin ini.

22. Saya akhiri ucapan saya dengan lafaz Wabillahi Taufik      Walhidayah      Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Sekian, terima kasih.**

**Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera**